

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan kegiatan rasuah.

Huraikan pendapat anda tentang kegiatan rasuah yang semakin membimbangkan negara. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

RASUAH MEMBAWA PADAH

“Sejak 2010, saya beberapa kali mencadangkan semua pegawai di unit tinggi yang berisiko seperti kontrak kewangan mesti ditukar setiap tiga tahun. Namun, pengawasan orang atasan sangat perlu, selain contoh yang baik. Hal ini untuk mengelakkan dipengaruhi pihak tertentu. Amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam sistem perolehan akan mendatangkan kesan amat negatif bukan sahaja kepada masyarakat selaku pengguna, bahkan pegawai agensi terbabit serta kontraktor. Perkara ini boleh merugikan masyarakat jika peralatan, perkhidmatan atau projek sepatutnya siap, terbengkalai atau tidak wujud, sekali gus menggagalkan usaha kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat. Rasuah akan menjadi budaya dan mencetuskan tidak puas hati serta hilang kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan.”

Sumber: Petikan Ucapan Datuk Seri Azam bin Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



Bahagian B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1:

Jeanne Chall membongkar kepentingan budaya membaca mempunyai satu hubungan rapat dan eksklusif antara pendidikan dengan membaca. Maksudnya seseorang yang berpendidikan tinggi akan mudah untuk lebih membaca dan seseorang yang banyak membaca akan mudah ke arah berpendidikan tinggi. Seterusnya, dengan mengamalkan budaya membaca akan dapat melahirkan bangsa yang mampu berdaya saing dalam mendepani era ledakan teknologi maklumat.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan pandangan penulis di atas, budaya membaca amat penting untuk melahirkan generasi intelektual yang dapat memajukan negara di persada antarabangsa.

Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh daripada budaya membaca dalam kalangan remaja.

Soalan 2:

“Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal daripada etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain. Di samping itu, setiap kaum perlu sentiasa berhati-hati dengan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum dapat diwujudkan. Setiap orang mempunyai peranan masing-masing untuk menyatukan rakyat Malaysia berdasarkan nilai murni yang diajar oleh semua agama dan kaum, bukannya mengamalkan atau mengeksploitasi sentimen etnik.”

Sumber: *Majalah Dewan Siswa*, Julai 2020

Berdasarkan petikan ucapan di atas, anda ingin menulis sepucuk surat kepada sahabat anda yang berada di luar negara. Isi kandungan surat tersebut menjelaskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

Soalan 3:

KUALA LUMPUR: Akta berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) yang sudah diwartakan cukup sempurna namun perlu diperkasakan sewajarnya bagi membela nasib golongan berkenaan. Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Melayu Malaysia (KUAM), Suhairi Abdullah, berkata akta sedia ada yang diperuntukkan untuk golongan OKU tidak pernah dikuatkuasakan, sekali gus sebarang permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini tidak dapat diselesaikan. Katanya, permasalahan golongan itu boleh diselesaikan dengan mudah sekiranya semua akta dikuatkuasakan dengan sebaik-baiknya.

Sumber: *Berita Harian Online*, 4 Jun 2019

Usaha yang berterusan untuk membantu Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan bagi membantu perkembangan ekonomi negara.

Huraikan peranan yang wajar dilakukan oleh semua pihak untuk membantu golongan ini.

Soalan 4:

Datuk Ramly Mokni merupakan seorang tokoh usahawan Melayu yang telah mengecapi dan mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan dengan begitu cemerlang dan patut diteladani oleh usahawan-usahawan bumiputera yang lain. Kejayaannya bukanlah dapat dinikmati dalam sekelip mata, tetapi bermula dari bawah dan terpaksa mengharungi dengan pelbagai cabaran serta halangan. Dengan keyakinan diri dan ketabahan serta kecekalan hatinya yang tinggi, beliau telah dapat mengembangkan perniagaannya dari gerai menjual burger sehingga membuka kilang untuk mengeluarkan daging burger daripada 300 keping sehari kepada 30 tan daging sehari selepas 20 tahun dengan jualan tahunan pada masa ini mencatat RM42 juta.

Sumber: *Internet*

Prinsip untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan ialah para usahawan haruslah sentiasa mengamalkan nilai kejujuran dan menitikberatkan mutu barangan yang dihasilkan.

Jelaskan faktor-faktor kejayaan seseorang usahawan di negara kita.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT